

JALINAN-BUDI *seminar di NIE*

Persilangan budaya dalam artefak tamadun dan senibina Melayu: Merentas seribu tahun dari abad ke-7 hingga ke-18 Masehi



Dr Imran bin Tajudeen

Penolong Profesor, Universiti Nasional Singapura

Tarikh: Rabu, 27 Januari 2016
Masa: 10.30pg - 12.30tgh
Tempat: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Rumpun masyarakat yang bergelar 'Melayu' berkongsi sebuah bahasa dan peradaban lama yang merentang dunia bahari Nusantara meliputi pesisir Kalimantan, Sumatra (asal-usul nama 'Melayu'), dan Semenanjung dengan tebaran perdagangan yang cukup luas pada suatu masa. Kepelbagaian sumber budaya yang diramukan dan dibentuk menjadi kesenian Melayu dapat dihayati melalui segenap peninggalan tamadun lampau, dari prasasti Melayu Kuno ke bentuk nisan lama hinggalah senibina. Bentuk budaya Melayu-Polinesia melatari pola kesenian Melayu, manakala pada zaman klasik kerajaan-kerajaan Melayu beragama Buddha dan Hindu terjadi penyesuaian antara sistem kepercayaan Melayu asli dengan corak keagamaan India yang berdampak dalam pengambilan unsur-unsur yang bersumberkan India yang dibentuk semula setidaknya sejak abad ke-5 Masehi. Dalam peralihan ke kerajaan Islam bermula pada kurun ke-11 pula, kebudayaan Melayu bercorak Buddha dan Hindu disesuaikan dengan pola perlambangan baru, dan dengan meningkatnya pelayaran Cina sejak abad ke-14 Masehi terjadi pembauran selanjutnya. Pendekatan terhadap kesenian Melayu dalam ceramah ini menekankan kesinambungan dan 'conscious adaptation' (pengubahsuaian secara sedar) budaya dalam jangka panjang.

Biodata

Dr Imran bin Tajudeen bertugas sebagai Penolong Profesor di Jabatan Senibina, Universiti Nasional Singapura (NUS). Penelitiannya tertumpu kepada sejarah senibina dan tataruang perkotaan di kota-kota bersejarah di Nusantara dan permasalahan pensejarahannya, serta kesinambungan antara senibina zaman Hindu-Buddha dan Islam. Beliau pernah menerajui penyelidikan seni pahat batu nisan di perkuburan lama di Jalan Kubor, Kampong Gelam (2014) dan diundang untuk membentangkan ceramah umum di Institute of Fine Arts (IFA), New York University mengenai pendekatan kajian senibina Islam Nusantara (2015). Disertasi kedoktorannya (NUS, 2009) menjulang Anugerah Buku ICAS 2011 bagi PhD Terbaik (Sains Kemasyarakatan).



Dipersilakan hadir!



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi, Dr Mukhlis Abu Bakar
(mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).

“I am chosen by God”: The Rule of Sultanah Safiatuddin Syah of Aceh, 1641-1675



Dr Sher Banu A. L. Khan

Assistant Professor
National University of Singapore

Date: Wednesday, 17 February 2016
Time: 10.30am–12.30pm
Venue: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)
National Institute of Education, NTU

Abstract

According to A. Reid, one of the major distinguishing features of Southeast Asia is the generally high autonomy of women in kinship, family, commerce and even politics. This region has one of the highest concentrations of female political leaders, from the early modern era to the post-colonial period ruling as sultanahs, president and ministers. Indeed, one striking feature of Malay/Muslim polities in the early modern period, is the preponderance of Muslim sovereign women.

The kingdom of Aceh Dar al-Salam was ruled by four female rulers in succession from 1641-1699. Besides Aceh, in Patani, four women ruled in succession (1584 to 1688): Sukadana (1608 to 1622), in Jambi (1630 to 1655), in Solor (1650 to 1670), and in the 18th century, in Banten and in the Bugis kingdoms of South Sulawesi. Despite their numbers and that they were ruling in what Reid termed as the important “age of commerce” in the region, very little in-depth research is available to explain this historical phenomenon.

Examining and synthesizing Dutch, English and Malay 17th century sources, this talk focuses on the kingdom of Aceh Dar al-Salam as a case-study, in particular the rule of Sultanah Safiatuddin Syah (r.1641-1675), to explain why and how she was accepted as a Muslim sovereign in a kingdom largely perceived as patriarchal and staunchly Islamic where female leadership seems an anathema.

Biodata

Sher Banu is an Assistant Professor at the Malay Studies Department of the National University of Singapore. She obtained her PhD from Queen Mary, University of London. Her research interests include history of the Malay world, Muslim female leadership and gender studies, Islam and Globalisation. She can be contacted at missbalk@nus.edu.sg.



All are welcome!



Please register with Mdm Saripah Basir (saripah.basir@nie.edu.sg) if you wish to attend. For further information, please contact the Convenor, Jalinan Budi Seminar Series, A/P Mukhlis Abu Bakar (mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).

Bahasa Melayu, Sastera Melayu dan Masyarakat Tionghua: Peranan Nantah dalam Tahun-Tahun 1955-1965



Prof Leo Suryadinata
ISEAS-Institut Yusof Ishak
& Universiti Teknologi Nanyang

Tarikh: Rabu, 16 Mac 2016
Masa: 10.30pg - 12.30tgh
Tempat: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Universiti Nanyang (Nantah) yang didirikan pada tahun 1955 telah memainkan peranan cukup penting dalam penyebaran bahasa dan sastera Melayu di Singapura. Seminar ini akan membahas kegiatan siswa, siswazah dan pensyarah Nantah dalam menggalakkan pengajian bahasa dan sastera Melayu dalam tempoh sepuluh tahun pertama Nantah (1955-1965). Penerbitan-penerbitan bahasa Melayu mereka seperti *Mimbar Universiti* dan *Budaya* serta tulisan-tulisan mereka dalam majalah dan akhbar Melayu akan diperkatakan secara singkat; juga pandangan siswa dan siswazah Nantah tentang bahasa dan sastera Melayu serta konsep Bangsa Malaya.

Karya sastera Melayu banyak diterjemahkan ke dalam bahasa Tionghua dan karya sastera Tionghua pun banyak yang dialih ke bahasa Melayu oleh siswa, siswazah dan pensyarah Nantah. Dengan cara demikian, persefahaman antara dua kaum ini boleh dicapai. Namun usaha saling menterjemahkan karya sastera masing-masing mulai menurun setelah Singapura meninggalkan Malaysia. Interaksi kaum intelek Melayu dan Tionghua yang cukup banyak juga menjadi langka setelah tahun 1965.

Biodata

Prof Leo Suryadinata, juga dikenal sebagai K.D. Liauw, siswazah Nantah dan Universitas Indonesia, meraih ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Amerika (Washington D.C.). Pernah menjabat Profesor, Jabatan Sains Politik, NUS, dan Pengarah, Pusat Warisan Cina (*Chinese Heritage Centre*), NTU. Kini Zamil Kanan Pelawat di ISEAS-Institut Yusof Ishak dan Profesor (Adjung) Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, NTU. Karyanya yang terakhir dalam bahasa Melayu adalah: *Singapura: Kotaku, Kampung Halamanku* (Editor bersama: Hadijah Bte Rahmat, 2015) dan *Kota Singa: Himpunan Sajak* (Pustaka Nasional, 2015).



Dipersilakan hadir!



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi, A/P Mukhlis Abu Bakar
(mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).

Persoalan dan Permasalahan Morfologi Bahasa Melayu: Imbuan Apitan Kata Kerja



Prof Zaharani Ahmad

Universiti Kebangsaan Malaysia
& Dewan Bahasa dan Pustaka

Tarikh: Rabu, 8 Jun 2016

Masa: 10.00pg - 12.00tgh

Tempat: NIE3-01-LT10 (LT10)

Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Dari sudut morfologi, semua ahli bahasa bersetuju bahawa imbuan bahasa Melayu terdiri daripada empat jenis, iaitu awalan, akhiran, sisipan dan apitan. Penjenisan ini dibuat berdasarkan posisi yang diduduki oleh imbuan berkenaan dalam konteks penggabungannya dengan kata dasar. Kata dasar pula boleh terdiri daripada kata tunggal (cth. besar+kan, ber+bantal) dan kata terbitan (cth. mem+besarkan, berbantal+kan). Imbuan-imbuan ini kemudiannya digolongkan kepada tiga kelas utama, iaitu imbuan kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Sehubungan itu, apitan kata kerja didefinisikan sebagai imbuan yang mengapit kata dasar serta menghasilkan kata terbitan yang tergolong dalam kelas kata kerja. Walaupun ahli-ahli bahasa bersetuju dengan perincian fakta morfologi di atas, namun huraian mereka tentang apitan kata kerja ternyata bercanggahan dan menimbulkan persoalan dan permasalahan. Pertama, mengapakah inventori morfem apitan kata kerja yang dikemukakan berbeza-beza jumlahnya? Kedua, mengapakah imbuan yang sudah digolongkan sebagai awalan (cth. meN-, di-, ber-) dan akhiran (-kan, -i) yang utuh perlu digabungkan menjadi apitan (cth. meN-kan, meN-i, ber-kan)? Kertas ini akan membahaskan isu di atas secara kritis dan menanganinya secara teoretis melalui penerapan teori fonologi dan morfologi leksikal.

Biodata

Dr Zaharani Ahmad profesor linguistik bahasa Melayu di Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebagai seorang profesor, ketokohan dan kesarjanaan beliau dalam bidang akademik, khususnya pengajaran/penyeliaan, penerbitan, penyelidikan dan persidangan amat dikagumi dan dihormati oleh warga kampus. Kini beliau dipinjamkan ke Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah Dasar bagi tempoh tiga tahun (2013-2016). Sebelum itu, beliau telah dilantik sebagai Penyandang Kursi Pengajian Melayu di Korea oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, dan bertugas di Hankuk University of Foreign Studies, Seoul, Korea selama dua tahun (2010-2012).



Anda dipersilakan hadir.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi, A/P Mukhlis Abu Bakar
(mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).

Pembelajaran Menggunakan Dua Bahasa: Ibu dan Anak Meneroka Buku Dwibahasa



Dr Mukhlis Abu Bakar

Profesor Madya, Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang

Tarikh: Rabu, 14 September 2016
Masa: 10.30 pagi - 12.00 tgh
Tempat: NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Penyelidikan antarabangsa menunjukkan bahawa buku dwibahasa yang digunakan oleh guru yang bekerjasama dengan ibu bapa dan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membangunkan minat dan kemahiran literasi kanak-kanak dalam dua bahasa di samping mewujudkan ruang bagi mereka untuk meneroka identiti diri. Ceramah ini mengongsi dapatan kajian yang menyelidiki nilai strategi yang melibatkan kanak-kanak Melayu prasekolah membaca dalam bahasa Melayu dan Inggeris menggunakan buku dwibahasa bersama ibu dan rakan-rakan sebaya. Persoalan yang cuba ditangani kajian ini adalah sama ada dan bagaimana pengendalian dua bahasa dalam aktiviti membaca buku dwibahasa membawa manfaat kepada kanak-kanak. Data yang terkumpul menunjukkan sifat pembangunan dwiliterasi yang kompleks dan memberi maklumat berharga tentang pelbagai faktor yang memberi kesan kepada keberkesanan buku dwibahasa. Implikasi terhadap pendidikan bahasa dan pedagogi akan turut dibincangkan.

Biodata:

Dr Mukhlis Abu Bakar meraih ijazah Doktor Falsafah hasil penyelidikannya dalam bidang Linguistik di Universiti Wales, Bangor, UK, dan Sains Kognitif di Universiti Edinburgh, Scotland, UK. Pernah bertugas di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau telah menerima beberapa geran kajian Kementerian Pendidikan bagi kajiannya tentang amalan literasi keluarga Melayu dan Cina dan pembelajaran dwibahasa/dwiliterasi di kalangan kanak-kanak. Turut berminat dalam bidang literasi kritis dan pendidikan dalam lingkungan keagamaan.



Semua dipersilakan hadir!

